

Rothman Batik terkenal motif etnik Murut

Oleh Mohd Azrone Sarabatin

ROTHMAN Batik Sdn Bhd (Rothman Batik), syarikat pengeluar batik yang sudah menempah nama pada peringkat kebangsaan, membawa perkhabaran gembira kepada graduan wanita menganggur yang berminat menceburi industri itu di Sabah.

Syarikat pengeluar batik pelbagai motif, fesyen dan paten itu menawarkan kursus merangkumi mencanting corak batik sehingga penghasilan pakaian, sapu tangan dan poster di Kampung Marabahai, Tuaran.

Pengurusnya, Rothman Buntar, 57, berkata sejak awal tahun ini seramai 10 graduan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengikut latihan dengan syarikat itu dan mereka berpeluang menjadi pereka batik terkenal.

Katanya, tiada bayaran dikenakan kepada pelatih terbabit, sebaliknya mereka bebas menggunakan kemudahan di premis terbabit dengan syarat ada kesungguhan dan bukan hanya mengisi masa lapang.

Beliau berkata, syarikatnya berhasrat melahirkan pereka batik profesional, sekali gus memberi manfaat kepada graduan wanita menganggur di seluruh Sabah.

"Sabah adalah tumpuan utama pelancong asing yang pastinya mereka mahu membawa pulang cenderamata berharga untuk saudara mara dan sahabat handai. Produk batik sering menjadi pilihan kerana produk itu mudah dibawa keluar berbanding kraf tangan lain seperti parang dan sumpit kerana dianggap senjata," katanya kepada Berita Harian di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Sementara itu, Rothman berkata, beliau sering dijemput sebagai pensyarah jempunan membuat batik di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di seluruh Sabah.

Katanya, kebanyakan pelatih di institusi itu berminat menceburi industri batik, tetapi tidak mempunyai pendedahan mencukupi menyebabkan produk dihasilkan ketinggalan zaman.

Pada masa sama, Rothman Batik turut melatih masyarakat setempat untuk menceburi perusahaan batik tempatan dan ada antara mereka yang sudah memulakan operasi.

Sehingga kini syarikat itu berkeupayaan menghasilkan 700 batik sebulan dengan terkini mengeksplotasi motif dan paten bercirikan kraf tangan etnik Murut.

Produk dihasilkan menjadi pilihan pelancong dari Brunei, United Kingdom, Amerika Syarikat, Jerman, Jepun dan Taiwan, selain tempahan golongan kenamaan di seluruh negara.

Beliau berkata, pada masa sama pelbagai tempahan diterima daripada jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta, pusat peranginan, agensi pelancongan dan pelanggan tetap.

"Saya yakin permintaan batik di Sabah terus meningkat berikutan kemasukan ramai pelancong asing, sekali gus membuka peluang kepada negeri ini sebagai pangkalan pengeksportan produk itu," katanya.

Citation:

Sarabatin, M. A. (2007, April 25). Rothman Batik terkenal motif etnik Murut [Rothman Batik introduces Murut ethnic motive]. *Berita Harian*. Retrieved May 4, 2007, from The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad Web site: <http://archives.emedia.com.my/bin/main.exe?f=doc&state=jgho96.3.1>